

Peluang pameran bakat gaya bebas

KUALA LUMPUR - Kelab Sukan SportsUnite buat julung kalinya akan menganjurkan Cabaran 'U R MY BRO' Duet 2010 di Tropicana City Mall, 2 Mei depan.

Cabaran yang akan menyaksikan peserta mempamerkan bakat dan skil secara bebas mengimbangi bola itu terbuka kepada 48 pasangan sahaja.

Menurut Pengerusi Kelab Sukan SportsUnite, Datuk Dina Rizal, ini adalah kejohanan yang pertama kalinya diadakan di negara ini, bertujuan meningkatkan kemahiran pemain bola di samping memupuk perpaduan di kalangan peserta.

"Syarat utama penyertaan,

“Syarat utama penyertaan, pasangan mestilah diwakili oleh dua kaum.”

- Dina Rizal

pasangan mestilah diwakili oleh dua kaum,” katanya.

Juara akan membawa pulang RM1,000, trofi dan pelbagai hadiah menarik. Naib juara akan menerima RM800, trofi dan barangan penaja, ketiga RM600, trofi dan barangan penaja, keempat RM500, trofi dan barangan penaja manakala pe-

menang dan kelima dan keenam masing-masing menerima RM400, trofi dan barangan penaja.

Yuran penyertaan ialah RM30 untuk satu pasangan. Borang penyertaan boleh didapati di Tropicana City Mall atau layari www.syoknyasukan.com.

Menariknya, Shuhaimi Khizari atau lebih dikenali sebagai *Dr Freestyler* akan mempamerkan kepakarannya mengimbangi bola dan juga akan bertindak sebagai ketua hakim.

Untuk keterangan lanjut boleh hubungi Nik Muhd Radzi menerusi 019-3519934/019-2102442.



● Pihak penganjur bergambar bersama pada majlis pelancaran logo karnival, baru-baru ini.